

## Meneroka Isu Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Undang-Undang Perkahwinan Adat di Sarawak

*(Exploring the Issue of Underage Marriage from the Perspective of Customary Marriage Law in Sarawak)*

Flavia Ary Sahwa<sup>1\*</sup> , Tharshini Sivabalan<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Email: [flaviaars59@gmail.com](mailto:flaviaars59@gmail.com)

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Email: [stharshini@unimas.my](mailto:stharshini@unimas.my)

### CORRESPONDING AUTHOR (\*):

Flavia Ary Sahwa  
([flaviaars59@gmail.com](mailto:flaviaars59@gmail.com))

### KATA KUNCI:

Bawah umur  
Perkahwinan  
Kanak-kanak  
Adat  
Undang-undang

### KEYWORDS:

Underage  
Marriage  
Child  
Customary  
Law

### CITATION:

Flavia Ary Sahwa & Tharshini Sivabalan. (2023). Meneroka Isu Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Undang-Undang Perkahwinan Adat di Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002279. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2279>

### ABSTRAK

Perkahwinan bawah umur melibatkan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah. Isu ini merupakan isu global yang serius, termasuklah di Malaysia. Perkahwinan di bawah umur masih terjadi di Malaysia dan terdapat beberapa undang-undang perkahwinan adat yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak yang belum mencapai usia 18 tahun. Justeru itu, artikel ini akan membincangkan tentang undang-undang perkahwinan adat yang terdapat di Malaysia dan negara lain serta faktor yang mempengaruhi perkahwinan bawah umur. Data kajian ini dianalisis menggunakan sorotan literatur yang berkaitan dengan isu perkahwinan bawah umur. Antara faktor yang menyumbang kepada perkahwinan bawah umur adalah hamil di luar nikah, meneruskan tradisi, kemiskinan dan untuk mengelakkan hubungan seks di luar nikah. Kajian ini akan menganalisis empat buah negara yang mempunyai undang-undang perkahwinan adat tersendiri iaitu Malaysia, Afrika Selatan, Pakistan dan Kenya. Dalam hal ini, kebanyakan negara mentafsirkan undang-undang perkahwinan adat sebagai tradisi yang perlu diikuti oleh masyarakat. Di Malaysia, kajian terhadap perkahwinan bawah umur dalam kalangan orang asal yang mengamalkan perkahwinan menggunakan undang-undang adat terutamanya dalam kalangan kaum peribumi adalah terhad, sehubungan itu, lebih banyak kajian perlu dijalankan untuk mendapatkan maklumat mendalam mengenai isu perkahwinan bawah umur yang menggunakan undang-undang perkahwinan adat. Di samping itu, Kementerian Pendidikan perlu melaksanakan pendidikan seks di sekolah untuk mencegah perkahwinan bawah umur daripada terus berlaku. Pada masa yang sama, bagi mengurangkan bilangan kanak-kanak yang tercicir dari sekolah dan berkahwin awal disebabkan kemiskinan, pihak kerajaan

perlu membantu golongan rentan meningkatkan taraf ekonomi mereka melalui pelaksanaan program yang dapat menjana pendapatan seperti perniagaan bagi menampung keperluan keluarga.

### ABSTRACT

Underage marriage involves children under the age of 18 and it has become a serious issue worldwide, including Malaysia. Underage marriage still occurs in Malaysia and there are several customary marriage laws that allow a child to marry before reaching the age of 18. Thus, this article will discuss about the customary marriage law in Malaysia and in other countries, and the factors affecting the underage marriage to happen. The data were collected from analysing and reviewing literature related to the issues. There are several factors that contribute to underage marriage, including pre-marital pregnancy, continuing the tradition, poverty and to prevent pre-marital sex. Four countries selected for the analysis are Malaysia, South Africa, Pakistan, and Kenya, all of which their own customary marriage. In this regard, most of these countries define customary marriage law as the tradition that should be continued. In Malaysia, there are limited studies on underage marriage among indigenous groups practising customary marriage, thus more studies should be done to get more information about this issue. Besides, to prevent the pre-marital pregnancy, the ministry of education should implement sex education in school. Meanwhile, to curb the issue of school dropouts and underage marriage due to poverty, the government should encourage people from marginalised groups to improve their economic status through organising programmes for income generation, for example doing some business to support the family.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada melalui analisis yang dibuat oleh penulis berkaitan dengan isu perkahwinan bawah umur yang menggunakan undang-undang perkahwinan adat yang membincangkan undang-undang perkahwinan yang terdapat di Malaysia dan negara lain serta faktor yang mempengaruhi perkahwinan bawah umur.

## 1. Pengenalan

Perkahwinan adalah suatu ikatan formal yang sah di sisi undang-undang bagi mengesahkan hubungan di antara seorang lelaki dan seorang wanita bagi memulakan kehidupan mereka sebagai suami isteri (Stritof, 2021). Kerajaan Malaysia mengiktiraf tiga jenis perkahwinan, iaitu perkahwinan Sivil, perkahwinan Syariah dan perkahwinan Adat. Perkahwinan Sivil adalah perkahwinan yang melibatkan rakyat Malaysia bukan beragama Islam yang dikendalikan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. Perkahwinan Syariah pula diperuntukkan kepada rakyat yang beragama Islam sahaja yang dikendalikan di bawah Undang-Undang Keluarga Islam di Mahkamah Syariah. Akhir sekali, perkahwinan Adat di Malaysia merangkumi perkahwinan di bawah Undang-Undang Perkahwinan Adat bagi kaum etnik di setiap negeri di Malaysia.

Perkahwinan bawah umur atau lebih dikenali sebagai perkahwinan kanak-kanak boleh didefinisikan sebagai perkahwinan atau ikatan sah sama ada formal atau tidak formal bagi pasangan kanak-kanak lelaki atau perempuan yang berumur di bawah umur 18 tahun (UNICEF, 2017). Isu perkahwinan bawah umur ini adalah satu perkara yang berlaku di seluruh dunia dan melibatkan ramai kanak-kanak bawah umur berkahwin pada usia yang muda. Menurut data UNICEF (2020), setakat tahun 2020, 21% daripada remaja perempuan di seluruh dunia telah berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun manakala seramai 12 juta remaja perempuan berkahwin di bawah umur setiap tahun. Tiga negara yang mempunyai peratusan perkahwinan bawah umur tertinggi terletak di kawasan Sub-Sahara di benua Afrika, iaitu Niger (76%), Central African Republic (68%), dan Chad (67%) (UNICEF, 2020).

Di Malaysia, dianggarkan sebanyak 1,500 orang kanak-kanak Islam dan bukan Islam telah berkahwin di bawah umur sehingga tahun 2018 (UNICEF Malaysia, n.d). Selain itu, kajian mendapati Sebanyak 5,362 permohonan kebenaran berkahwin bagi kanak-kanak beragama Islam telah dikemukakan bermula Januari 2013 sehingga Disember 2018. Sarawak mencatatkan permohonan tertinggi sebanyak 918 permohonan (Pilus, 2018). Selain itu, seramai 1,845 kanak-kanak telah berkahwin dengan orang dewasa pada tahun 2017 dan daripada jumlah itu, seramai 968 kanak-kanak terdiri daripada bukan Islam (Roselly, 2018).

Secara amnya, perkahwinan bawah umur bermakna akhirnya zaman kanak-kanak seseorang remaja perempuan (Save The Children, 2021). Ini bererti yang hak mereka sewajarnya sebagai kanak-kanak juga telah dirampas. Perkahwinan pada usia yang belum matang menyebabkan remaja perempuan mentaruh kehidupan mereka sebagai kanak-kanak dan melangkah ke kehidupan berumah tangga yang penuh dengan dugaan dan cabaran. Antara hak yang hilang bagi kanak-kanak yang berkahwin awal adalah kehilangan hak mendapatkan pendidikan. Dalam perkara ini, pendidikan adalah hak wajib kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun seperti yang dinyatakan di *Convention on the Rights of the Children*. Pendidikan dapat membantu membentuk perkembangan personaliti, mental dan psikologi kanak-kanak sebagai persiapan menjadi individu yang berguna dan bertanggungjawab apabila mereka mencapai usia dewasa. Namun, ramai remaja perempuan daripada keluarga miskin terpaksa berhenti bersekolah kerana ibu bapa mereka tidak mampu untuk membiayai yuran persekolahan dan mengahwinkan mereka pada usia muda. Selain itu, terdapat juga segelintir remaja perempuan yang terpaksa berhenti sekolah dan berkahwin pada usia muda kerana mengandung di luar nikah (Mughal & Awan, 2020).

Perkahwinan bawah umur juga boleh mengancam tahap kesihatan remaja perempuan. Ini adalah kerana perkahwinan pada usia yang muda mempunyai kesan negatif terhadap kesihatan fizikal dan psikologi mereka (Ponnupillai & Shanmuganathan, 2022). Sebagai contoh, remaja yang berkahwin di bawah umur akan melakukan hubungan seks yang merupakan lumrah bagi setiap pasangan berkahwin. Namun, mereka mungkin belum bersedia secara fizikal dan mental untuk perhubungan intim. Hal ini boleh memberi risiko kepada kesihatan mereka kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai hubungan seks dan ia boleh mengganggu kesihatan reproduktif remaja perempuan (Girls Not Bride, n.d.c). Keadaan ini menjadi semakin runcing apabila mereka melahirkan anak. Terdapat banyak cabaran dan dugaan yang akan dihadapi oleh remaja perempuan yang bergelar ibu muda dan ini meletakkan mereka dalam keadaan berisiko untuk mengalami gangguan mental dan emosi dan kekeliruan peranan. Keadaan ini juga disebabkan oleh kurangnya persediaan bagi menanggung tanggungjawab sebagai

seorang ibu dan isteri serta perubahan fizikal, mental dan emosi yang dialami dalam proses kehamilan, melahirkan anak dan penyusuan badan (Mangeli et al., 2017). Dalam segi biologi, usia remaja merupakan waktu paling subur bagi seseorang wanita, dan ada segelintir menganggap ia sebagai waktu yang sesuai untuk hamil. Namun, kajian mendapati sistem daya tahan remaja perempuan di bawah 18 tahun tidak sekuat wanita dewasa dan mereka berisiko tinggi untuk mengalami pre-eklampsia semasa hamil (Sinrich, 2022). Di samping itu, remaja perempuan yang berkahwin di bawah umur juga cenderung untuk terlibat dalam kes keganasan rumah tangga seperti didera secara fizikal, emosi dan seksual (Ajayi, 2021).

Secara global, perkahwinan bawah umur berlaku disebabkan kepercayaan segelintir masyarakat yang yang perkahwinan dalam kalangan remaja yang berumur 18 tahun ke bawah adalah sesuatu perkara yang normal serta diterima oleh semua lapisan masyarakat serta ada segelintir daripada masyarakat yang berfikir bahawa kanak-kanak perempuan yang sudah mengalami akil baligh boleh berkahwin tanpa mengira umur (Girls Not Brides, n.d.a). Perkahwinan di bawah juga dilakukan bagi menjaga maruah keluarga, berkahwin di bawah umur dan dianggap sebagai budaya bagi sesetengah komuniti di negara Timur Laut Afrika dan Timur Tengah. Kebanyakan keluarga akan mengahwinkan anak perempuan mereka pada usia muda untuk menjaga kesucian anak perempuan mereka serta mengelakkan kehamilan luar nikah (Council on Foreign Relations, 2021).

Sistem patriarki yang diamalkan dalam sesetengah budaya juga merupakan faktor perkahwinan bawah umur di kalangan remaja perempuan seperti yang berlaku di Pakistan (Asian Human Rights Commission, 2016). Dalam budaya ini, semua perkara dan setiap keputusan dikawal oleh kaum lelaki. Kaum wanita pula sering dijadikan sebagai mangsa keadaan terutamanya apabila kaum lelaki di dalam sesebuah keluarga membuat keputusan untuk mengahwinkan anak perempuan mereka sebelum mencapai usia 18 tahun (Girls Not Brides, n.d.b). Sistem patriarki yang memberi kawalan penuh kepada kaum lelaki dalam membuat keputusan di dalam sesebuah keluarga juga menyebabkan berlakunya ketidaksetaraan jantina. Ini adalah kerana sistem tersebut lebih mengutamakan serta memberi kuasa mutlak kepada kaum lelaki terutamanya di negara Niger di mana peluang bekerja hanya diberikan kepada kaum lelaki manakala remaja perempuan dan wanita perlu berada di bawah tanggungan kaum lelaki sepenuhnya (Psaki et al., 2021). Keadaan ini menyebabkan remaja perempuan sering dijadikan mangsa untuk berkahwin dengan golongan lelaki kaya yang dapat menanggung mereka sepenuhnya selepas berkahwin.

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia juga telah menyumbang kepada peningkatan dalam perkahwinan bawah umur. India merupakan salah sebuah negara yang melaporkan peningkatan dalam jumlah perkahwinan bawah umur semasa pandemik COVID-19 dan kemungkinan terdapat banyak lagi kes yang tidak dilaporkan (Dasgupta, 2020). Bangladesh juga turut melaporkan jumlah kes perkahwinan bawah umur yang tinggi semasa pandemik di mana 13,886 kanak-kanak perempuan dari 21 daerah telah menjadi mangsa perkahwinan bawah umur di antara bulan April dan Oktober 2020 dan daripada jumlah tersebut, 48% merupakan kanak-kanak perempuan berumur di antara 13 tahun dan 15 tahun (Sakib, 2021). Menurut UNICEF (2021), keadaan sosioekonomi keluarga yang tidak stabil, kehamilan luar nikah, dan kematian ibu bapa semasa pandemik COVID-19 telah meningkatkan perkahwinan di bawah umur dalam kalangan remaja perempuan. Selain itu, pengkaji menjangkakan pertambahan

sebanyak 10 juta kanak-kanak berisiko untuk berkahwin di seluruh dunia sebelum berakhirnya dekad ini.

Perkahwinan bawah umur merupakan masalah global yang dihadapi di setiap negara, lebih-lebih lagi pada musim pandemik ini. Kemiskinan adalah satu punca remaja berkahwin di bawah umur semasa pandemik. Kemiskinan yang dihadapi dalam sesebuah keluarga semakin meruncing apabila ketua keluarga kehilangan punca pendapatan semasa pandemik sehingga menyebabkan banyak keluarga tidak mampu untuk menanggung pembiayaan persekolahan anak-anak dan terpaksa menghentikan mereka daripada bersekolah (Rahiem, 2021). Menurut kajian Affoum dan Recavarren (2020), golongan berisiko yang berpendapatan rendah berhadapan dengan kesukaran untuk menampung kehidupan seharian mereka semasa pandemik COVID-19. Situasi ini memaksa mereka untuk mengahwinkan anak perempuan lebih awal bagi mengurangkan jumlah tanggungan dalam sesebuah keluarga. Kajian yang dijalankan oleh Kohno et al. (2020) di Sarawak juga menunjukkan bahawa remaja perempuan sering dijadikan mangsa dan dipaksa berkahwin awal bagi menyelesaikan masalah kewangan dan mengurangkan beban tanggungan keluarga.

## 2. Sorotan Literatur

Saimon et al. (2021) telah memfokuskan amalan dan faktor yang mempengaruhi perkahwinan bawah umur dalam kalangan masyarakat peribumi atau orang asal luar bandar di Sibul, Sarawak. Seramai 244 responden yang berumur di antara 13 hingga 50 tahun telah dipilih menggunakan teknik pensampelan berperingkat. Data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 21. Hasil kajian mendapati majoriti responden menyatakan bahawa perkahwinan bawah umur boleh melindungi gadis daripada hubungan seks luar nikah yang boleh menimbulkan risiko hamil luar nikah. Selain daripada itu, 82% daripada responden memilih untuk berhenti sekolah setelah berkahwin di bawah umur manakala 83.2% daripada responden tidak mengetahui had umur untuk berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat dan 91% daripada responden menyatakan bahawa mereka salah faham tentang had umur yang ditetapkan untuk berkahwin secara sivil.

Kajian Kohno et al. (2020) di Sarawak telah meneroka faktor yang menyumbang kepada perkahwinan bawah umur dengan menggunakan kajian kualitatif temu bual separuh berstruktur. Kajian ini melibatkan 22 orang wanita yang berkahwin sebelum mencapai umur 18 tahun. Hasil kajian mendapati bahawa ibu bapa membenarkan anak-anak mereka untuk berkahwin untuk mengelakkan anak mereka melakukan hubungan seks di luar nikah atau selepas mengetahui anak perempuan mereka sudah hamil di luar nikah. Kedua, terdapat responden yang mengambil keputusan untuk berkahwin sebelum berumur 18 tahun kerana ingin menjauhi aktiviti berbahaya dan tidak bermoral seperti mengambil minuman beralkohol. Kemiskinan juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan responden untuk berkahwin awal. Mereka terpaksa berhenti sekolah kerana keluarga mereka tidak mampu untuk menanggung yuran persekolahan. Selain itu, ada di antara mereka yang terpaksa berhenti sekolah kerana telah hamil di luar nikah. Responden menyatakan bahawa berkahwin awal dapat membantu mengurangkan beban yang ditanggung oleh ketua keluarga kerana anak perempuan mereka akan tinggal bersama dan ditanggung sepenuhnya oleh suami. Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa mereka berkahwin pada usia yang muda disebabkan takdir yang harus diterima oleh mereka. Akhir sekali, faktor penceraian ibu bapa juga menjadi salah

satu penyebab responden mengambil keputusan untuk berkahwin awal bagi mengisi kekosongan yang mereka hadapi.

Kajian [Panting et al. \(2019\)](#) telah mengenal pasti faktor risiko yang menyumbang kepada masalah kehamilan luar nikah di Sarawak. Kajian ini dibuat menggunakan kaedah sorotan kajian menerusi pembacaan artikel-artikel yang berkaitan dengan isu kehamilan luar nikah dan situasi yang menyumbang kepada faktor risiko. Hasil kajian menunjukkan bahawa sesetengah gadis luar bandar yang berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan mengalami kejutan budaya dan terpengaruh dengan tingkah laku berisiko seperti hubungan seks luar nikah sehingga menyebabkan kehamilan luar nikah. Selain itu, hasil penelitian mendapati bahawa hubungan kekeluargaan yang rapuh juga menyumbang kepada masalah kehamilan luar nikah, terutamanya apabila ibu bapa terlalu sibuk dengan urusan masing-masing.

[Saim et al. \(2018\)](#) telah menjalankan satu kajian di Kuching, Sarawak bagi meneroka pengalaman remaja perempuan yang berkahwin di usia remaja serta mengenal pasti pandangan remaja perempuan yang telah berkahwin awal. Kajian ini dijalankan menggunakan kajian kualitatif. Seramai tujuh orang responden dipilih melalui teknik *snowball* dan kriteria pemilihan responden ditetapkan kepada remaja perempuan yang berumur 15 hingga 23 tahun serta telah berkahwin. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden berkahwin awal disebabkan faktor jodoh, diminta oleh ibu bapa untuk berkahwin bagi mengelakkan seks di luar nikah dan berkahwin kerana mereka sudah mengandung luar nikah. Antara pengalaman berkahwin pada usia muda yang dinyatakan oleh responden adalah, mereka belajar berdikari, dapat memupuk kesabaran dalam mengurus rumah tangga, dapat membina sikap bertanggungjawab terhadap pasangan, sentiasa berfikiran positif dan mereka pernah diragui telah berkahwin kerana masih muda. Seterusnya, responden juga menyatakan bahawa perkahwinan bawah umur dapat mengelakkan diri daripada terlibat dengan maksiat, namun mereka perlu pandai membuat keputusan serta perlu bertanggungjawab terhadap tindakan yang dilakukan.

Di Sumenep Indonesia, perempuan dan wanita perlu meneruskan tradisi untuk berkahwin di bawah umur. Oleh yang demikian, satu kajian telah dibuat oleh [Nurmala et al. \(2020\)](#) pada tahun 2020 untuk mencari faktor yang menyebabkan mereka untuk meneruskan tradisi tersebut. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan dikendalikan melalui temu bual secara mendalam. Seramai 31 orang responden telah ditemu bual dalam kajian ini. Hasil kajian ini terbahagi kepada dua tema iaitu peringkat individu dan keluarga dan peringkat masyarakat. Pada peringkat individu dan keluarga, responden menjelaskan bahawa tradisi ini perlu diteruskan bagi merapatkan hubungan kekeluargaan di antara dua buah keluarga yang sudah berkawan dan saling mengenali semenjak mereka masih kecil. Seterusnya, perkahwinan juga diatur disebabkan oleh penampilan fizikal yang dilihat oleh kaum lelaki pada gadis-gadis di bawah umur apabila tubuh fizikal mereka sudah besar tinggi, mencapai akil baligh dan masih subur. Di peringkat masyarakat pula, responden menyatakan bahawa tradisi berkahwin di bawah umur diteruskan kerana umur 14 sehingga 17 tahun dikatakan sebagai tahap umur yang sesuai untuk berkahwin. Selain itu, pengaruh daripada persekitaran sosial juga telah menyebabkan responden untuk berkahwin awal di mana segelintir daripada masyarakat berpendapat bahawa perkahwinan pada usia yang muda adalah suatu yang bagus.

[Bhandari \(2019\)](#) telah melakukan satu kajian di Nepal untuk meneroka faktor yang menyumbang kepada perkahwinan bawah umur daripada perspektif remaja perempuan

sekolah serta mencari alternatif untuk mencegah gadis bawah umur daripada terlibat dengan perkahwinan kanak-kanak. Pengkaji menggunakan kajian kualitatif untuk mencapai objektif kajian ini. 60 orang remaja perempuan sekolah telah dipilih sebagai responden secara rawak. Kesemua responden dipilih daripada 5 buah sekolah di Danusha, Nepal dan kesemua responden berada di Gred 9 dan Gred 10. Data kajian telah dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik. Antara faktor yang menyebabkan remaja perempuan untuk berkahwin awal adalah mereka hanya perlu membayar mas kahwin yang sedikit kepada pihak lelaki kerana berkahwin pada usia muda. Masalah kewangan juga menyebabkan ibu bapa mengambil keputusan untuk menikahkan anak perempuan mereka sebelum menghabiskan persekolahan. Seterusnya, responden juga memberitahu bahawa remaja perempuan yang berasal daripada keluarga miskin sangat berisiko untuk berkahwin awal kerana mereka terpaksa berhenti sekolah disebabkan ibu bapa tidak mampu untuk menanggung yuran persekolahan. Masyarakat, jiran tetangga, saudara-mara, ketua agama juga mempunyai peranan yang penting dalam membendung isu ini. Responden berpendapat bahawa perkahwinan bawah umur boleh dicegah dengan memastikan bahawa remaja perempuan lebih memberi penumpuan kepada pelajaran daripada memikirkan tentang perkahwinan. Responden juga memberi pendapat bahawa kesedaran perlu dipertingkatkan mengenai kesan perkahwinan awal terutamanya kepada ibu bapa.

Kajian mengenai perkahwinan bawah umur di Northeast Nigeria telah dilakukan oleh [Allen dan Adekola \(2017\)](#) yang bertujuan untuk memeriksa faktor yang mendorong kepada perkahwinan kanak-kanak dan implikasi kesihatan terhadap mangsa perkahwinan. Data kajian ini telah dikumpulkan menggunakan dua kaedah iaitu melalui data utama dan data sekunder. Data utama kajian ini dikumpulkan menggunakan borang soal selidik manakala data sekunder diperoleh daripada rekod-rekod yang diperoleh daripada agensi-agensi yang berkaitan dengan perkahwinan bawah umur. Sejumlah 120 responden telah dipilih dengan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah dan perbincangan kumpulan fokus yang telah diadakan bersama dengan remaja perempuan berumur bawah 18 tahun yang telah berkahwin. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor yang mendorong responden untuk berkahwin awal adalah disebabkan pakatan keluarga, tradisi atau budaya, faktor kemiskinan, strategi bisnes, tekanan daripada komuniti, mengelak daripada melakukan hubungan seks sebelum berkahwin, dan agama. Daripada semua faktor yang disenaraikan, faktor utama yang menyebabkan majoriti (60%) daripada responden untuk berkahwin di usia muda adalah disebabkan oleh faktor kemiskinan. Seramai 75% daripada responden mengalami kesukaran untuk melahirkan anak manakala sejumlah 22.5% responden telah menggunakan kaedah caesarean untuk melahirkan anak. Selain itu, daripada 40 responden lelaki, sebanyak 20% daripada mereka menyatakan bahawa isteri mereka telah meninggal dunia disebabkan kehamilan semasa berkahwin pada usia muda.

Pada tahun 2017, [Mim \(2017\)](#) telah membuat kajian tentang kesan perkahwinan kanak-kanak di sebuah perkampungan di Bangladesh. Kajian bertujuan untuk menganalisis kesan perkahwinan kanak-kanak terhadap pendidikan formal dan pemeraksanaan kanak-kanak perempuan. Kajian ini berkonsepkan kajian kes dan kes telah dipilih melalui persampelan bertujuan. Konsep pemeraksanaan telah digunakan untuk membenarkan data ditafsir daripada data sekunder yang berkaitan dengan perkahwinan kanak-kanak. Dalam konteks demografi dan ekonomi, halangan untuk mendapatkan pendidikan dan pemeraksanaan menyebabkan kawasan Ranggur di bahagian utara Bangladesh masih berada di bawah garisan kemiskinan. Kesan daripada itu, dua orang responden menyatakan bahawa mereka ingin meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi

tetapi disebabkan oleh masalah kewangan, mereka tidak dapat meneruskan pelajaran bahkan dipaksa oleh ibu bapa sendiri untuk berkahwin awal. Akibat daripada berhenti daripada sekolah ini menyebabkan ramai di antara gadis-gadis berkahwin awal serta bergantung sepenuhnya dengan suami mereka. Secara tidak langsung, gadis-gadis ini akan hilang keupayaan untuk membuat pilihan di dalam kehidupan mereka kerana kurang mendapat pendidikan serta tidak dibenarkan untuk membuat keputusan sesuka hati selepas berkahwin kerana keputusan perlu dibuat oleh suami mereka sahaja.

Kajian [Kohno et al. \(2019\)](#) yang bertajuk “Pemeriksaan Mendalam Tentang Isu-Isu yang Berkaitan dengan Sebab Perkahwinan Kanak-Kanak di Kelantan, Malaysia” bertujuan untuk mengkaji faktor individu, keluarga, komuniti dan masyarakat yang menyumbang kepada perkahwinan kanak-kanak di Kelantan, Malaysia menggunakan kaedah kualitatif. Seramai 23 orang responden telah dipilih. Responden terdiri daripada 18 wanita yang berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun dan 5 orang pemberi maklumat yang berpengetahuan tentang isu perkahwinan kanak-kanak. Hasil kajian ini mendapati adanya faktor ketidakmatangan dalam membuat keputusan untuk berkahwin di bawah umur. Terdapat remaja yang tidak memikirkan kesan yang akan dialami selepas berkahwin pada usia muda dan kepercayaan bahawa mereka berkahwin awal disebabkan takdir Seterusnya, hasil kajian menunjukkan bahawa kemiskinan yang dihadapi oleh sesebuah keluarga menyebabkan responden berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun. Terdapat responden yang menyatakan bahawa berkahwin awal boleh mengurangkan beban ekonomi keluarga kerana selepas berkahwin mereka akan ditanggung sepenuhnya oleh suami. Responden kajian ini juga menyatakan bahawa norma agama dan budaya turut menyumbang kepada perkahwinan kanak-kanak di Kelantan. Ini adalah kerana agama Islam menganggap melakukan hubungan seks sebelum berkahwin adalah dosa besar dan berkahwin awal dapat mengelakkan diri daripada hubungan seks dan hamil sebelum berkahwin.

### **3. Undang-Undang Perkahwinan Adat**

Kajian ini memilih undang-undang perkahwinan di empat negara bagi melihat persamaan dan perbezaan dalam undang-undang perkahwinan adat. Empat negara yang dipilih adalah Malaysia, Afrika Selatan, Pakistan dan Kenya.

#### **3.1. Undang-Undang Perkahwinan Adat di Malaysia**

Perkahwinan adat di Malaysia dijalankan oleh kaum peribumi di beberapa negeri. Perkahwinan adat di Sarawak dijalankan berdasarkan Native Customary Marriage (Maintenance) Ordinance 2003 manakala di Sabah, ia dijalankan di bawah Native Courts (Native Customary Laws) Rules (1995). Mengikut undang-undang perkahwinan adat di Sarawak yang terdapat di dalam Native Customary Marriage (Maintenance) Ordinance 2003, perkahwinan adat bermaksud mana-mana perkahwinan yang didaftarkan atau diraikan di dalam negeri mengikut adat kaum masing-masing. Undang-undang ini menjelaskan yang perkahwinan adat hanya boleh dijalankan untuk pasangan yang berkahwin mengikut undang-undang kaum di Sarawak atau mana-mana undang-undang adat yang diiktiraf di bawah ordinan ini. Selain itu, perkahwinan adat tidak dibenarkan bagi pasangan yang beragama Islam dan pasangan yang berkahwin dan berdaftar di bawah Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian [Akta 164] 1976).

Seterusnya, perkahwinan adat di Sabah dijalankan di bawah Native Courts (Native Customary Laws) Rules (1995) yang menjelaskan kesalahan-kesalahan yang tidak boleh dilakukan oleh masyarakat asal Sabah berkaitan dengan perkahwinan adat. Menurut Native Courts (Native Customary Laws) Rules (1995), pasangan yang ingin berkahwin di bawah undang-undang adat tidak dibenarkan untuk berkahwin dengan saudara sendiri dan sekiranya ini berlaku, mereka telah melanggar undang-undang adat negeri yang dipanggil "*Pitas*" dan denda akan dikenakan. Selain itu, di bawah undang-undang ini, ikatan pertunangan tidak boleh dibatalkan tanpa alasan dan bukti kukuh. Sekiranya pertunangan dibatalkan tanpa alasan kukuh, pihak yang membatalkan pertunangan akan dikenakan denda. Selain itu, seorang lelaki tidak dibenarkan berkahwin lain atau berpoligami dan sekiranya ingin berkahwin semula dan isterinya masih hidup, lelaki tersebut perlu membayar "*Lapau*" kepada isteri dan "*Sogit*" bagi setiap seorang anak hasil dari perkahwinannya sebelum ini.

Encik Nicholas Jok dalam [Rakan Sarawak \(2021\)](#) menerangkan yang bagi kaum Kenyah (etnik Orang Ulu dari Sarawak), keluarga pihak lelaki akan datang ke rumah pihak perempuan untuk merisik iaitu "*Mutu Leto*" dalam bahasa Kenyah sebelum meneruskan dengan perkahwinan adat. Setelah risikan daripada pihak lelaki diterima dan pihak perempuan bersetuju untuk berkahwin, ibu bapa kedua-dua pihak akan berjumpa dengan ketua kaum iaitu "*Paren Uma*" untuk memaklumkan perkahwinan di antara anak-anak mereka. Upacara pertunangan atau "*Atep Hawa*" / "*Tebuku Te*" akan dijalankan selepas risikan diterima dan dilakukan di hadapan ketua kaum. Tarikh perkahwinan akan ditetapkan dan di mana mereka akan menetap selepas berkahwin ketika majlis pertunangan. Pasangan yang ingin berkahwin menggunakan adat perkahwinan kaum Kenyah ini haruslah menikah dalam masa enam bulan dari tarikh pertunangan mereka dan majlis perkahwinan iaitu "*Pelah Hawa*" akan dilaksanakan selepas tempoh tersebut. Ketika majlis perkahwinan, pengantin perempuan akan duduk di atas gong dan lapan wakil dari pihak pengantin perempuan akan meletakkan topi adat di atas kepala pengantin perempuan supaya pasangan pengantin sentiasa dilindungi dan dilimpahi keberkatan. Selain itu, pasangan pengantin perlu berjalan lapan pusingan dengan pengapit mereka sebagai simbolik pasangan mencari makanan untuk keluarga mereka. Perkahwinan adat Sarawak perlu didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara supaya ianya sah di sisi undang-undang.

### 3.2. Undang-Undang Perkahwinan Adat di Afrika Selatan

Di Afrika Selatan, undang-undang adat merujuk kepada suatu sistem perkahwinan yang dikenali sebagai "perkahwinan tradisional". Perkahwinan mengikut undang-undang adat di Afrika Selatan dikenal pasti melalui Akta Pengiktirafan Perkahwinan Adat ([Department of Home Affairs of South Africa, 2023](#)). Perkahwinan di bawah undang-undang adat perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah undang-undang adat seperti: (i) pernikahan mesti diraikan, dijalankan dan ditetapkan menggunakan undang-undang adat, (ii) pasangan yang ingin berkahwin berumur 18 tahun ke atas, (iii) pasangan yang berkahwin bukan darah daging sendiri dan tidak mempunyai kaitan tali persaudaraan, (iv) kedua-dua pihak pengantin tidak berada dalam perkahwinan sivil dan (v) lobola hendaklah tetap seperti yang dibincangkan ([Mokoena, 2020](#)). Secara amnya, lobola merupakan salah satu tradisi yang perlu diamalkan oleh pasangan yang ingin berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat dan tradisi lobola di Afrika Selatan di mana calon suami atau ketua keluarga calon suami perlu memberi jaminan harta berbentuk wang atau barang hantaran seperti lembu kepada ketua keluarga calon

isteri sebagai pertimbangan untuk berkahwin menggunakan undang-undang adat (Heeren et al., 2011).

Secara amnya, pasangan yang ingin berkahwin di bawah undang-undang adat di Afrika Selatan perlu mendaftarkan perkahwinan mereka di Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri (Department of Home Affairs) dalam tempoh tiga bulan selepas semua urusan perkahwinan adat diselesaikan (Honey Attorneys, 2021). Menurut Department of Home Affairs of South Africa (2023), pasangan yang ingin mendaftarkan perkahwinan adat mereka di bawah Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri perlu membawa dokumen seperti buku identiti dan perjanjian lobola, membawa sekurang-kurangnya seorang saksi daripada kedua-dua pihak pengantin, dan wakil daripada ahli keluarga kedua-dua pasangan tersebut. Kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah yang ingin berkahwin di bawah undang-undang adat di Afrika Selatan perlu mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga sah atau pesuruhjaya kebajikan kanak-kanak yang akan memberikan kebenaran untuk pasangan bawah umur untuk berkahwin sebagai pengganti ibu bapa atau penjaga sah (Department of Home Affairs Republic of South Africa, 2023).

### 3.3. Undang-Undang Perkahwinan Adat di Pakistan

Perkahwinan kanak-kanak turut berlaku secara berleluasa di Pakistan. Dalam hal ini perkahwinan bawah umur dianggap sebagai tradisi, budaya serta adat yang diamalkan oleh masyarakat di negara tersebut (United Nations Population Fund [UNPF], 2023). Terdapat lima jenis perkahwinan adat di bawah undang-undang perkahwinan adat Pakistan iaitu “*Swara*”, “*Vani*”, “*Watta Satta*”, “*Pait Likhai*”/ “*Pait Likhi*”/ “*Chatti*” dan berkahwin dengan Quran (Rehan et al., 2017). “*Swara*” adalah perkahwinan adat yang memberi atau menghadiahkan gadis untuk berkahwin dengan keluarga yang terkilan sebagai pampasan atas pembunuhan yang dilakukan oleh keluarga gadis tersebut (The New Humanitarian, 2003). Menurut Rehan et al. (2017), “*Swara*” juga adalah adat yang terikat dengan pertelingkahan darah di antara suku atau puak yang berbeza di mana gadis-gadis dipaksa untuk berkahwin dengan ahli puak musuh untuk mengimbangi jenayah yang dilakukan terhadap ahli puak itu. Seterusnya adalah perkahwinan adat “*Vani*” di mana gadis-gadis membayar atau menyelesaikan jenayah yang dilakukan oleh kaum lelaki di dalam keluarga tersebut di mana gadis-gadis yang berada dalam lingkungan usia 4 tahun sehingga 14 tahun dipaksa untuk berkahwin dengan lelaki daripada pihak keluarga yang menjadi mangsa jenayah (Islam, 2014). Menurut Rehan et al. (2017), perkahwinan adat “*Vani*” ini boleh dielakkan sekiranya keluarga perempuan membayar wang darah yang dipanggil sebagai “*Diyat*” kepada keluarga mangsa.

Ketiga adalah perkahwinan adat “*Watta Satta*” yang merupakan sistem perkahwinan barter di antara dua buah keluarga. Contohnya, pasangan adik-beradik di dalam satu keluarga perlu berkahwin dengan pasangan adik-beradik daripada keluarga yang lain (Haider, 2011). Perkahwinan adat “*Pait Likhai*”/ “*Pait Likhi*”/ “*Chatti*” pula melibatkan kanak-kanak perempuan yang sudah ditunangkan dengan lelaki tersebut semenjak lahir setelah mencapai akil baligh. Perkahwinan adat yang terakhir adalah perkahwinan dengan al-Quran. Amalan ini sering dijalankan di beberapa kawasan di Pakistan terutama di kawasan pedalaman (Rehan et al., 2017). Perkahwinan dengan Quran juga dikenali sebagai “*Haq Bakshish*” yang memberi maksud mengalah kepada hak untuk berkahwin. Tradisi ini diamalkan oleh penduduk pedalaman terutamanya di Sindh di mana ada terdapat keluarga yang memaksa kaum wanita untuk kekal tidak berkahwin untuk mengekalkan harta wanita tersebut di bawah kawalan ayah atau abang di dalam

keluarga tersebut. Ini adalah kerana, harta milik wanita yang telah berkahwin akan dikawal sepenuhnya oleh suami mereka ([United Nations High Commissioner for Refugees, 2022](#)).

### 3.4. Undang-Undang Perkahwinan Adat di Kenya

Kenya mempunyai undang-undang perkahwinan adat mereka sendiri iaitu The Marriage (Customary Marriage) Rules 2017. Menurut [Lawyer Wangu \(2019\)](#), pasangan yang ingin berkahwin di bawah undang-undang adat perlu membuat permohonan untuk mendaftarkan perkahwinan mereka dalam tempoh enam bulan selepas upacara adat yang mengesahkan bahawa mereka adalah pasangan suami-isteri. Selain itu, perkahwinan adat perlu dilangsungkan mengikut adat istiadat masyarakat satu atau kedua-dua pihak pengantin ([Lawyer Wangu, 2019](#)). Untuk berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat di Kenya, pasangan yang ingin berkahwin perlu mempunyai kelayakan seperti berikut: (i) kedua-dua pasangan berumur 18 tahun dan ke atas, (ii) pasangan tidak berkahwin secara sivil, Kristian, Islam dan Hindu pada masa perkahwinan, (iii) pasangan tidak boleh mempunyai ikatan persaudaraan, (iv) kedua-dua pasangan bersetuju untuk mendaftarkan perkahwinan mereka, dan (v) pendaftaran perkahwinan adat ini terhad kepada penduduk Kenya yang mempunyai ikatan adat ([Lawyer Wangu, 2019](#)).

[Owino \(2019\)](#) menjelaskan formaliti-formaliti yang perlu diikuti di dalam perkahwinan undang-undang adat Kenya. Ini termasuk pasangan yang ingin berkahwin perlu bertunang terlebih dahulu dan majlis pertunangan tersebut diadakan mengikut adat perkahwinan Kenya. Semasa majlis pertunangan, pasangan akan menjelaskan niat untuk berkahwin akan dan kedua-dua pihak perlu memberikan persetujuan untuk memastikan perkahwinan terjamin ([Owino, 2019](#)). Formaliti yang kedua adalah pembayaran mas kahwin selepas pertunangan. Jumlah mas kahwin adalah berbeza bagi setiap komuniti mengikut adat kaum masing-masing ([Owino, 2019](#)). Contohnya, kaum Taneta menetapkan mas kahwin iaitu seekor lembu, tiga ekor kambing betina, dua ekor kerbau dan sebuah rumah yang akan diberikan kepada ayah pengantin perempuan manakala bagi kaum Kisii pula, mas kahwin dibayar mengikut tahap pendidikan pengantin perempuan ([Owino, 2019](#)).

## 4. Faktor-Faktor yang Menyumbang kepada Perkahwinan Bawah Umur

Perkahwinan bawah umur dalam kalangan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti hamil luar nikah, meneruskan tradisi, kemiskinan dan mengelak daripada melakukan hubungan seks sebelum berkahwin.

### 4.1. Hamil Luar Nikah

Remaja yang melakukan hubungan seks sebelum berkahwin terdedah kepada risiko hamil luar nikah. Perkahwinan bawah umur juga berlaku disebabkan oleh kehamilan luar nikah seperti yang dinyatakan oleh [Kohno et al. \(2020\)](#). Kajian ini mendapati ibu bapa membenarkan anak perempuan mereka untuk berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun apabila mengetahui bahawa anak perempuan mereka hamil luar nikah. Di samping itu, gadis-gadis yang berusia 18 tahun dan ke bawah yang hamil di luar nikah terpaksa berhenti bersekolah dan mereka diminta oleh ibu bapa untuk berkahwin pada usia yang muda ([Kohno et al., 2020](#)). Hubungan percintaan antara pasangan remaja bawah umur yang melalaikan telah menyebabkan mereka terlibat dengan hubungan seks

sehingga mengakibatkan remaja perempuan tersebut hamil di luar nikah dan diketahui oleh ibu bapa serta membenarkan mereka untuk berkahwin bagi menutup aib keluarga.

#### 4.2. Meneruskan Tradisi

Perkahwinan bawah umur juga dianggap salah satu tradisi yang perlu diteruskan oleh sesetengah masyarakat di sesetengah tempat. Contohnya di Sumenep Indonesia yang mewajibkan wanita yang berasal daripada kawasan meneruskan tradisi berkahwin pada usia muda (Nurmala et al., 2020). Mereka harus mengekalkan tradisi perkahwinan di bawah umur ini agar tidak dilupakan oleh generasi yang akan datang. Satu kajian oleh Nurmala et al. (2020) telah mengkaji faktor mengapa mereka perlu meneruskan tradisi perkahwinan di bawah umur. Ini termasuk gadis-gadis perlu berkahwin dengan pilihan keluarga bagi merapatkan hubungan kekeluargaan di antara dua buah keluarga yang sudah berkawan dan saling mengenali. Selain itu, terdapat kepercayaan bahawa umur 14 sehingga 17 tahun adalah tahap umur yang paling sesuai untuk berkahwin. Ini adalah kerana mereka sudah akil baligh. Selain itu, segelintir masyarakat terdahulu berpendapat bahawa perkahwinan pada usia muda adalah sesuatu amalan yang wajar untuk diteruskan.

#### 4.3. Kemiskinan

Kemiskinan juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada perkahwinan bawah umur. Keluarga yang mempunyai masalah kewangan yang serius cenderung akan berasa tertekan untuk menyara kehidupan seharian. Keadaan ini memaksa mereka membenarkan anak perempuan untuk berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun. Kohno et al. (2020) menyatakan bahawa kebanyakan pelajar sekolah dari keluarga miskin terpaksa berhenti sekolah kerana keluarga mereka tidak mampu untuk menanggung yuran persekolahan dan akhirnya dibenarkan untuk berkahwin awal. Perkahwinan bawah umur juga dibuat untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh ketua keluarga kerana anak perempuan mereka akan tinggal bersama suami selepas berkahwin (Kohno et al., 2020). Pada awal tahun 2020, seluruh dunia telah digemparkan dengan pandemik COVID-19 dan semua orang dikenakan perintah berkurung termasuk di Malaysia. Disebabkan itu, banyak keluarga yang kehilangan punca pendapatan kerana tidak dapat keluar untuk bekerja dan bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh ketua keluarga, ibu bapa membenarkan anak perempuan mereka untuk berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun (Rahiem, 2021).

#### 4.4. Mengelak Melakukan Hubungan Seks Sebelum Berkahwin

Perkahwinan bawah umur sering berlaku bagi mengelakkan hubungan seks luar nikah. Saimon et al. (2021) menyatakan bahawa perkahwinan bawah umur boleh melindungi gadis-gadis di bawah 18 tahun daripada terlibat dengan hubungan seks luar nikah dan risiko hamil luar nikah. Kajian yang dilakukan oleh Kohno et al. (2020) pula meneroka faktor yang menyumbang kepada perkahwinan bawah umur dan mendapati ibu bapa membenarkan anak-anak mereka untuk berkahwin kerana bimbang yang anak mereka sudah melakukan hubungan seks di luar nikah. Sebagai contoh, di Kelantan, Malaysia, hubungan seks sebelum nikah satu perbuatan yang berdosa dan perkahwinan berkahwin di bawah umur dilihat sebagai cara untuk mengelakkan maksiat dan hamil di luar nikah (Kohno et al., 2019).

## 5. Kesimpulan

Kesimpulannya, perkahwinan bawah umur tidak hanya berlaku di Malaysia, malah ia turut berlaku di seluruh pelosok dunia. Di peringkat global, perkahwinan kanak-kanak sering berlaku di negara yang mempunyai masalah kemiskinan dan kemunduran. Secara keseluruhannya, faktor kemiskinan yang dialami oleh rata-rata penduduk di kawasan luar bandar adalah faktor utama perkahwinan bawah umur. Ini adalah kerana ketua keluarga tidak mampu menampung ramai ahli keluarga yang ramai. Bagi mengurangkan beban tanggungan tersebut, anak-anak perempuan sering kali menjadi mangsa sehingga terpaksa berhenti sekolah dan berkahwin di bawah umur. Selain itu, terdapat undang-undang perkahwinan adat yang berbeza mengikut adat kaum masing-masing di serata negara.

## Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada penyelia yang telah banyak membantu serta memberi tunjuk ajar dalam menjayakan kajian ini.

## Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

## Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangannya atau penerbitan kajian ini.

## Rujukan

- Affoum, N., & Recavarren, I. S. (2020, Oktober 9). *Child marriage: The unspoken consequence of COVID-19*. World Bank Blogs. <https://blogs.worldbank.org/developmenttalk/child-marriage-unspoken-consequence-covid-19>
- Ajayi, A. I. (2021, Jun 1). *Child marriage and domestic violence: What we found in 16 African countries*. The Conversation. <https://theconversation.com/child-marriage-and-domestic-violence-what-we-found-in-16-african-countries-161600>
- Allen, A. A., & Adekola, P. O. (2017). Health implication of child marriage in North-East Nigeria. *Analele Universitatii din Oradea, Seria Geografie*, 54-61.
- Asian Human Rights Commission. (2016, Ogos 23). *Pakistan: Culture and honor killings in patriarchal societies*. <http://www.humanrights.asia/news/ahrc-news/AHRC-ART-047-2016/>
- Bhandari, N. R. (2019). Early marriage in Nepal: Prospects for schoolgirls. *Journals of International Women's Studies*, 20(3), 88-87. <https://vc.bridgew.edu/jiws/vol20/iss3/9/>
- Council on Foreign Relations. (2021). *Child marriage*. <https://www.cfr.org/child-marriage/#!/>
- Dasgupta, D. (2020, Ogos 29). Child marriage on the rise in India amid the Covid-19 pandemic. *The Straits Times*. <https://www.straitstimes.com/asia/south-asia/child-marriages-on-the-rise-in-india-amid-the-covid-19-pandemic>

- Department of Home Affairs in South Africa. (2023). *Preparing to get married*.<http://www.dha.gov.za/index.php/civic-services/marriage-certificates>
- Girls Not Brides. (n.d.a). *Child marriage and health*.<https://www.girlsnotbrides.org/learning-resources/child-marriage-and-health/>
- Girls Not Brides. (n.d.b). *Why it happens*.<https://www.girlsnotbrides.org/about-child-marriage/why-child-marriage-happens/>
- Girls Not Brides. (n.d.c). *About child marriage*.<https://www.girlsnotbrides.org/about-child-marriage/>
- Haider, M. (2011, September 7). Bartered in marriage: The bride exchange in rural Pakistan. *DAWN*.<https://www.dawn.com/news/657239/bartered-in-marriage-the-bride-exchange-in-rural-pakistan>
- Heeren, G. A., Jemmott, J. B., Tyler, J. C., Tshabe, S., & Ngwane, Z. (2011). Cattle for wives and extramarital trysts for husbands? Lobola, men, and HIV/STD risk behaviour in Southern Africa. *Journal of Human Behaviour in the Social Environment*, 21(1), 73-81. doi:10.1080/10911359.2011.534903
- Honey Attorneys. (2021, April 30). *Customary marriage*.<https://honeyattorneys.co.za/customary-marriages/>
- Islam, S. (2014, Mac 28). The custom of Vani: Tit-for-tat, the tribal way. *The Express Tribune*.<https://tribune.com.pk/story/688205/the-custom-of-vani-tit-for-tat-the-tribal-way>
- Kohno, A., Dahlui, M., Farid, N. D. N., Safii, R., & Nakayama, T. (2020). Why girls Get married early in Sarawak, Malaysia. *BMC Women Health*.<https://doi.org/10.1186/s12905-020-00911-z>
- Kohno, A., Dahlui, M., Farid, N. D. N., Ali, S. H., & Nakayama, T. (2019). In-depth examination of issues surrounding the reasons for child marriage in Kelantan, Malaysia: A qualitative study. *BMJ Open*, 9:e027377. [http:// dx. doi. org/ 10. 1136/ bmjopen- 2018- 027377](http://dx.doi.org/10.1136/bmjopen-2018-027377)
- Lawyer Wangu. (2019, Julai 22). *Planning a customary marriage? Here's what laws required of you*.<https://www.lawyerwangu.com/resource-library/planning-a-customary-marriage-heres-what-the-law-requires-of-you>
- Mangeli, M., Rayyani, M., Cheraghi, M. A., & Tirgari, B. (2017). Exploring the challenges of Adolescent mothers from their life experiences in the transition to motherhood : A qualitative study. *Journal of Family and Reproductive Health*, 11(3), 165-173. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC6045691/pdf/JFRH-11-165.pdf>
- Mim, S. A. (2017). Effects of child marriage on girls' education and empowerment. *Journal Of Education and Learning*, 11(1), 9-16. DOI: 10.11591/edulearn.v11i1.5130
- Mokoena, L. (2020). *What are the requirements for a valid customary marriage?* Burger Huyser Attorneys. <https://www.burgerhuyserattorneys.co.za/what-are-the-requirements-for-a-valid-customary-marriage/>
- Mughal, S., & Awan, A.G. (2020). Effects of early marriage on girls' education. *Global Journal of Management, Social Sciences and Humanities*, 6(4), 885.
- Nurmala, I., Astutik, F. N., & Devi, Y. P. (2020). Surrounding the reason for women to continue the tradition of child marriage. *Utopia Y Praxis Latinoamericana*, 25(2). <https://doi.org/10.5281/zenodo.3808599>
- Owino, A. (2019, Julai 15). *Customary marriage: Registration process in Kenya*. Kenyans.co.ke. <https://www.kenyans.co.ke/news/41743-customary-marriage-registration-process-kenya>
- Panting, A. J., Abdullah, H., Roslan, S., & Ismail, I, A. (2019). Potential social risk factors for teenage pregnancy in Sarawak. *Pertanika Journals Social Sciences and Humanities*, 27(1), 425-441.

- Pilus, F. A. M. (2018, Julai 19). 5,362 Permohonan nikah bawah umur dalam 5 tahun. *Berita Harian*.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/07/451272/5362-permohonannikah-bawah-umur-dalam-5-tahun>
- Ponnupillai, A., & Shanmuganathan, P. (2022, April 13). Collective effort needed to eliminate child marriage by 2030. *New Straits Times*.  
[https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2022/04/788453/collective-effort-needed-eliminate-child-marriage-2030#:~:text=In%20March%202022%2C%20the%20Ministry,Marriage%20\(2020%2D2025\)](https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2022/04/788453/collective-effort-needed-eliminate-child-marriage-2030#:~:text=In%20March%202022%2C%20the%20Ministry,Marriage%20(2020%2D2025))
- Psaki, S. R., Melnikas, A. J., Haque, E., Saul, G., Misunas, C., Patel, S. K., Ngo, T., & Amin, S. (2021). What are the drivers of child marriage? A conceptual framework to guide policies and programs. *Journal of Adolescent Health, 69*(6), 13-22.  
<https://doi.org/10.1016/j.jadohealth.2021.09.001>
- Rahiem, M. D. H. (2021). Covid-19 and the surge of child marriages: A phenomenon in Nusa Tenggara Barat, Indonesia. *Child Abuse & Neglect, 118*(95).  
<https://doi.org/10.1016/j.chiabu.2021.1058>
- Rakan Sarawak. (2021, Oktober 3). Proses dalam adat perkahwinan kaum Kenyah. <https://www.rakansarawak.com/v3/2021/10/03/proses-dalam-adat-perkahwinan-kaum-kenyah/>
- Rehan, N., & Qayyum, K. (2017). Customary marriages in rural Pakistan. *Medical Journal of Malaysia, 72*(3), 175-178.
- Roselly, A. (2018, Julai 27). Kanak-kanak non muslims lebih ramai kahwin bawah umur daripada muslim. *SAYS*. <https://says.com/my/seismik/non-muslim-lebih-ramai-kahwin-bawah-umur-dari-muslim-ds-wan-azizah-tpm>
- Saim, N. J., Lejem, S., Abdullah, F., & Akhir, N. M. (2018). Perkahwinan remaja: Satu kajian di Kuching Sarawak. *Jurnal Psikologi Malaysia, 32*(3), 47-61.
- Saimon, R., Puji, A., & Safii, R. (2021). Prevalence and factors affecting child marriage practice among rural indigenous communities in Sibiu, Sarawak. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 1*(14), 233-244.
- Sakib, N. (2021, Mac 22). *Bangladesh : Child marriage rises manifold in pandemic*. Anadolu Ajansi. <https://www.aa.com.tr/en/asiapacific/bangladesh-child-marriage-rises-manifold-in-pandemic/2184001>
- Save The Children. (2021). *Child marriage : The devastating end of childhood*. <https://www.savethechildren.org/us/charity-stories/child-marriage-a-violation-of-child-rights>
- Sinrich, J. (2022, Oktober 19). *The best age to get pregnant, according to experts and parents*. Parents. <https://www.parents.com/getting-pregnant/age/timing/the-best-age-to-get-pregnant-according-to-moms/>
- Stritof, S. (2021, November 28). *What is the definition of marriage?*. Brides. <https://www.brides.com/definition-of-marriage-2303011>
- The New Humanitarian. (2003, Ogos 23). *Tribal custom forces girls into "Compensation Marriage"*. <https://www.thenewhumanitarian.org/news/2003/08/20/tribal-custom-forces-girls-compensation-marriages>
- United Nations High Commissioner for Refugees. (2022). *Pakistan: Information on marriage registration, including mix marriage*. The UN Refugee Agency. <https://www.refworld.org/docid/51222d762.html>
- UNICEF Malaysia. (n.d). *Child marriage in Malaysia*. [https://www.unicef.org/malaysia/media/1801/file/Child\\_marriage\\_brief\\_factsheet\\_%28ENG%29.pdf](https://www.unicef.org/malaysia/media/1801/file/Child_marriage_brief_factsheet_%28ENG%29.pdf)

- UNICEF. (2017). *Child marriage*. <https://www.unicef.org/rosa/what-we-do/child-protection/child-marriage>
- UNICEF. (2020). *Child marriage around the world*. <https://www.unicef.org/stories/child-marriage-around-world>
- UNICEF. (2021). *10 Million additional girls at risk of child marriage due to Covid-19*. <https://www.unicef.org/press-releases/10-million-additional-girls-risk-child-marriage-due-covid-19>
- United Nations Population Fund (UNFPA). (2023). *Child marriage*. <https://pakistan.unfpa.org/en/topics/child-marriage-4>